

JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA,
MAHKAMAH TINGGI,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50050 KUALA LUMPUR

Tel: 03-2939011

Di ...
oleh Arifan Arif
2/1993

Bil: (38) dlm. JK/MA 38 Jld. III


Tarikh: 26 Disember, 1989.

Semua Hakim Mahkamah Sesyen,
Semenanjung Malaysia.

Tuan/Puan,

LITARAN MAHKAMAH-MAHKAMAH SESYEN
(Arahan Amalan No. 4 Tahun 1988)

Di ...
oleh Arifan Arif
2/1993




Telah dibawa ke perhatian Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya bahawa ada terdapat sungutan daripada beberapa pihak mengenai kegagalan sesetengah Hakim Mahkamah Sesyen yang pergi menjalankan tugas litarannya di mahkamah-mahkamah luar daerah untuk memberitahu sama ada kes-kes yang telah ditetapkan untuk dibicarakan pada hari-hari yang berkenaan telah dipindahkan ke mahkamah luar daerah yang berkenaan ataupun kes-kes yang telah ditetapkan untuk dibicarakan pada hari tersebut di mahkamah dimana dia ditempatkan tidak dapat dijalankan oleh sebab Hakim Mahkamah Sesyen tersebut bertugas di mahkamah luar daerah pada hari tersebut.

2. Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya mengarahkan supaya Hakim Mahkamah Sesyen yang berkenaan mengambil tindakan yang perlu untuk memberitahu sama ada peguam-peguam atau pihak-pihak lain yang terlibat mengenai pemindahan tempat bicara kes-kes tersebut (jika mereka belum lagi diberitahu) ataupun kes-kes yang telah ditetapkan untuk dibicarakan di sesuatu mahkamah tidak dapat dijalankan oleh sebab Hakim Mahkamah Sesyen yang berkenaan pergi menjalankan tugasnya di mahkamah luar daerah pada hari tersebut.

...2/-

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,


(HASAN BIN LAH)
Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya,
Kuala Lumpur.

s.k.

- 1) Y.A.A. Ketua Hakim Negara.
- 2) Y.A.A. Hakim Besar Malaya.
- 3) Y.A.A. Hakim Besar Borneo - (Untuk makluman)
- 4) Y.A. Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman,
Mahkamah Tinggi Malaya.
- 5) Ketua Pendaftar, Mahkamah Agung, Kuala Lumpur.
- 6) Perpustakaan, Mahkamah Agung, Kuala Lumpur.